

7/7/08
Utusan
Malaysia

NGO dijangka dapat peruntukkan tambahan

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**



NOR MOHAMED YAKCOP

PULAU PINANG 6 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengemukakan peruntukkan tambahan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dalam pembentangan Bajet 2009 pada 29 Ogos ini.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bagaimanapun berkata, jumlah peruntukkan berkenaan tidak akan diumumkan pada masa ini kerana ia bergantung kepada bajet dan akan dibuat melalui beberapa peringkat.

Menurutnya, peruntukkan tersebut bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama dengan pihak NGO dalam usaha membantu rakyat terutama dalam bidang kesihatan.

"Saya yakin peruntukkan tambahan itu akan dapat diuruskan dengan baik dan kita akan memberi ruang kepada NGO untuk membantu

golongan berpendapatan rendah," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan forum anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) di sini hari ini.

Forum tersebut diadakan untuk memberi garis panduan kepada pesakit buah pinggang mengenai bantuan kewangan dan pekerjaan yang boleh diceburi.

Nor Mohamed berkata, pada masa ini Kerajaan Pusat sedang mengkaji jenis infrastruktur dan prasarana yang akan digunakan oleh NGO dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat.

"Kita amat menghargai sumbangan NGO dalam memberi kerjasama untuk meningkatkan pelang pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan terutama sekali golongan miskin.

"Maka peruntukkan sebanyak RM10 bilion yang diberi kepada Kementerian Kesihatan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) menunjukkan ke-

sungguhan kerajaan untuk membantu rakyat," ujarnya.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai kenyataan Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang menyatakan beraa kecewa dengan penangguhan projek-projek mega di negeri ini, Nor Mohamed meminta supaya kerajaan negeri tidak terlalu mengutamakan isu penangguhan itu.

Katanya, Kerajaan Pusat perlu mengutamakan pelbagai tanggungjawab yang masih belum diselesaikan demi menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

"Negara kini sedang menghadapi banyak isu besar termasuk kenaikan harga minyak di peringkat global, oleh itu tanggungjawab terhadap pemerintahan negara sangat penting.

"Saya tidak mahu kerajaan negeri terlalu memfokuskan tentang penangguhan projek Momenor Pulau Pinang dan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PARR). Jangan fikirkan tentang dua projek itu sahaja," katanya.